



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PERUSAHAAN HASIL PERIKANAN MASYARAKAT MELAYU
PESISIR DI TERENGGANU 1910-1941**

RUHAIZAN BT SULAIMAN@ ABD RAHIM



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**TESIS INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH DOKTOR FALSAFAH
(SEJARAH)**

FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2018



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti perkembangan sejarah ekonomi negeri Terengganu dengan memberi tumpuan ke atas perusahaan hasil perikanan masyarakat Melayu pesisir di Terengganu dari tahun 1910 hingga 1941. Dalam tempoh ini, negeri Terengganu menunjukkan peningkatan ekonomi yang memberangsangkan kesan daripada perusahaan hasil perikanan yang dijalankan oleh masyarakat Melayu pesisir yang merangkumi perusahaan ikan kering, ikan bilis, budu, belacan dan ikan jeruk. Kajian ini meneliti aspek-aspek yang mempengaruhi perusahaan hasil perikanan masyarakat Melayu pesisir Terengganu. Isu dan cabaran yang dihadapi dalam perusahaan hasil perikanan turut diketengahkan. Di samping itu, pelbagai langkah dilakukan oleh pihak kerajaan bagi meningkatkan mutu keluaran hasil perikanan. Kaedah penyelidikan kualitatif digunakan berdasarkan sumber primer dan sekunder. Sumber primer dalam kajian ini seperti laporan tahunan, telegram, memorandum, surat-menyurat dan laporan rasmi yang diperolehi dari Pejabat Kolonial British, Pejabat Pesuruhjaya Tinggi, Setiausaha Kerajaan Terengganu, Pejabat Menteri Besar, Pejabat Tanah dan Galian, Pejabat Undang-Undang, Pejabat Tanah Kemaman, Pejabat Daerah Kuala Terengganu dan Pejabat Istana Badariah Terengganu yang dianalisis dengan menggunakan pendekatan sejarah. Sumber sekunder turut digunakan bagi mengukuhkan lagi penghuraian fakta dan dapatan kajian seperti tesis, artikel, jurnal, buku dan akhbar. Dapatan kajian menunjukkan perusahaan hasil perikanan merupakan perusahaan utama dalam kalangan masyarakat Melayu pesisir Terengganu yang menjadi sumber kekuatan ekonomi yang penting ke atas masyarakat dan negeri Terengganu pada tahun 1910-1941. Hasil perikanan juga merupakan komoditi eksport utama Terengganu berbanding komoditi eksport yang lain berdasarkan kuantiti dan nilai eksport setiap tahun. Kesimpulan daripada kajian menunjukkan pengeluaran dan pengeksportan hasil perikanan yang banyak untuk memenuhi permintaan pasaran yang tinggi dari masyarakat tempatan dan luar membuktikan bahawa Terengganu adalah sebuah negeri yang kaya dengan sumber bekalan ikan. Implikasi kajian menunjukkan perusahaan hasil perikanan yang dijalankan oleh masyarakat Melayu pesisir telah membantu perkembangan ekonomi Terengganu.





THE MALAY COASTAL COMMUNITY FISHERY INDUSTRY IN TERENGGANU 1910-1941

ABSTRACT

This study was aimed to determine the development of Terengganu's economic history by emphasizing the seafood products of the fishery industry of the Malay coastal community in Terengganu from 1910 to 1941. Within the period stated, Terengganu had experienced an increasing economic growth, impacted from the fishery industry of the Malay coastal community such as the dried fish, dried anchovies, *budu*, shrimp paste and salted fish. This study analyses various aspects that had influenced the fishery of the Malay coastal community in Terengganu. It highlights the issues and challenges that had been surfaced in the industry. In addition, different mechanisms had been taken by the government to increase the quality of the fishery products. This study employs qualitative research methods, using primary and secondary sources. Primary sources in this study are derived from the various annual reports, telegrams, memorandums, correspondences and official reports of the British Colonial Office, the High Commissioner Office, the Terengganu State Secretary, the Chief Minister's Office, the Land and Mineral Office, the Legal Office, the Land Office of Kemaman, the Kuala Terengganu District Office and the Istana Badariah's Office, using a historical approach analysis. Secondary sources are also used to strengthen the fact analysis and research findings such as thesis, articles, journals, books and newspapers. The findings of the study indicate that the fishery industry was the main sector amongst the Malay coastal community in Terengganu. Fishery industry was a major economic sources for the community and the state of Terengganu in 1910-1941. In conclusion, this this study shows that with a high volume of fishery products and exports to cater the increasing market of the local and international communities proves that Terengganu had abundance of fish supplies. The implication of the study indicates that the fishery products of the Malay coastal community has assisted the economic development of Terengganu.



KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN ii

PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS iii

PENGHARGAAN iv

ABSTRAK v

ABSTRACT vi

KANDUNGAN vii

SENARAI SINGKATAN x

SENARAI JADUAL xii

SENARAI GAMBAR xv

SENARAI LAMPIRAN xviii

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan 1

1.2 Permasalahan Kajian 5

1.3 Objektif Kajian 7

1.4 Kepentingan Kajian 8

1.5 Kajian Lepas 9

1.6 Metodologi Kajian 19

1.7 Skop Kajian 21

1.8 Definisi Istilah 24

1.9 Pembahagian Bab 29

1.10 Kesimpulan 31

BAB 2 LATAR BELAKANG PERUSAHAAN HASIL PERIKANAN

2.1	Pengenalan	33
2.2	Pentadbiran Negeri Terengganu Semasa Pembentukan NNMTB	36
2.3	Penempatan Masyarakat Melayu Pesisir	47
2.4	Kegiatan Ekonomi Masyarakat Melayu Pesisir	57
2.5	Latar Belakang Perusahaan Hasil Perikanan	77
2.5.1	Perusahaan Ikan Kering	82
2.5.2	Perusahaan Ikan Bilis	87
2.5.3	Perusahaan Membuat Budu	94
2.5.4	Perusahaan Membuat Belacan dan Ikan Jeruk	97
2.6	Garam Sumber Utama Perusahaan Hasil Perikanan	101
2.7	Kesimpulan	109

BAB 3 ASPEK YANG MEMPENGARUHI PERUSAHAAN HASIL PERIKANAN

3.1	Pengenalan	110
3.2	Permintaan Pasaran yang Tinggi	111
3.3	Hasil Tangkapan Ikan yang Banyak	133
3.4	Penggunaan Perahu Sebagai Pengangkutan Utama	147
3.5	Alat Penangkapan Ikan	160
3.6	Pelabuhan, Pengkalan dan Jeti Sebagai Pusat Perdagangan	173
3.7	Kesimpulan	192

BAB 4 ISU DAN CABARAN DALAM PERUSAHAAN HASIL PERIKANAN

4.1	Pengenalan	194
4.2	Musim Tengkujuh yang Melanda Pantai Timur	195
4.2.1	Usaha Nelayan dan Pengusaha Hasil Perikanan	206

4.3	Penguatkuasaan Cukai ke Atas Garam dan Hasil Perikanan	212
4.4	Kejatuhan Harga Hasil Perikanan	222
4.5	Penglibatan Orang Cina Sebagai Orang Tengah	228
4.6	Penglibatan Orang Cina Sebagai Taukeh Ikan	242
4.7	Tapak Para Ikan Ditanam Pokok Kelapa	259
4.8	Kesimpulan	266

BAB 5 LANGKAH-LANGKAH YANG DILAKUKAN KE ARAH MEMAJUKAN PERUSAHAAN HASIL PERIKANAN

5.1	Pengenalan	268
5.2	Menubuhkan Jawatankuasa Perniagaan Ikan Negeri Terengganu	269
5.3	Peranan Pejabat Tanah dan Galian	275
5.4	Mewujudkan Pameran dan Pertunjukan	285
5.4.1	Saluran Bantuan Kewangan	309

5.5	Memperkenalkan Undang-Undang Ikan	316
5.6	Peranan Pejabat Shahbandar dan Undang-undang Shahbandar	322
5.6.1	Mengeluarkan Pas Belayar	328
5.6.2	Bayaran Cukai Laboh Batu	332
5.7	Peranan Pejabat Kastam	337
5.8	Peranan Lembaga Kesihatan dan Pejabat Bandaran Terengganu	346
5.9	Peranan Pejabat Perikanan NNS dan NNMB	355
5.10	Kesimpulan	363

BAB 6 RUMUSAN 365

BIBLIOGRAFI 378

LAMPIRAN 402

**SENARAI SINGKATAN**

A.R.T	<i>Annual Report Terengganu</i>
B.A.T	<i>British Adviser Terengganu</i>
B.E.E	<i>British Empire Exhibition</i>
C.L.M	<i>Commissioner of Land and Mines</i>
C.L.R	<i>Collector of Land Revenue</i>
C.O	<i>Colonial Office Record</i>
DYMM	Duli Yang Maha Mulia
FMS	<i>Federated Malay States</i>
IPTA	Institut Pengajian Tinggi Awam
J.M.B	Jabatan Menteri Besar
JMBRAS	<i>Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society</i>
L.A.T	<i>Law of Adviser Terengganu</i>
L.O.K	<i>Land Office Kemaman</i>
L.O.M	<i>Land Office Marang</i>
L.O.T	<i>Land Office Terengganu</i>
M	Masihi
M.A	<i>Ministry of Agriculture</i>
M.A.H.A	<i>Malayan Agri- Horticultural Association</i>
M.B.O.F	Pejabat Menteri Besar Terengganu
NNMB	Negeri-Negeri Melayu Bersekutu
NNMTB	Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi
xi

NNS	Negeri-Negeri Selat
S.A	Pejabat Istana Badariah Terengganu
S.P	Surat Persendirian
S.T	Pejabat Sultan Istana Badariah Terengganu
SUK.Tr	Setiausaha Kerajaan Terengganu
T.D.K	Tengku Dalam Khalthum



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
2.1	Taburan Penduduk Negeri Terengganu yang Menetap di Pesisir Pantai Terengganu Pada Tahun 1921 dan 1931	51
2.2	Kategori Pekerjaan dalam Sektor Perikanan di Daerah Kuala Terengganu Tahun 1921	63
2.3	Jumlah Eksport Tikar Mengkuang di Negeri Terengganu Pada Tahun 1939	93
2.4	Jumlah Import Garam Negeri Terengganu Tahun 1922-1931	104
2.5	Jumlah Eksport Garam Negeri Terengganu Tahun 1924-1931	106
3.1	Jenis dan Jumlah Komoditi Eksport Negeri Terengganu Pada Tahun 1910 Hingga 1913	112
3.2	Perbandingan Jumlah Eksport Negeri Terengganu Tahun 1915-1920	116
3.3	Kuantiti dan Nilai Eksport Hasil Perikanan Negeri Terengganu Pada Tahun 1921-1938	120
3.4	Jenis Hasil Perikanan Negeri Terengganu yang Dieksport Sehingga September 1933	125
3.5	Jumlah Eksport Negeri Terengganu Mengikut Kategori Hasil Perikanan Tahun 1924-1939	128
3.6	Jenis, Kuantiti dan Harga Hasil Perikanan yang Dieksport dari Negeri Terengganu Pada Tahun 1939	131
3.7	Jenis dan Jumlah Hasil Tangkapan Ikan oleh Nelayan Terengganu Pada Tahun 1934	134
3.8	Jenis dan Harga Ikan Kering di Negeri Terengganu Pada Tahun 1933	137
3.9	Jenis Ikan dan Harga yang ditetapkan dalam Warta Kerajaan NNM Pada Tahun 1934	139



3.10	Perbandingan Harga Pasaran Barangan Keperluan Makanan di Terengganu dan Singapura Tahun 1935	141
3.11	Perahu Terengganu yang Berdaftar dan Tidak Berdaftar di Terengganu Tahun 1912	153
3.12	Jenis Perahu dan Kapal Masuk dan Keluar untuk Aktiviti Perdagangan Antara Terengganu, Saigon, Bangkok, Pelabuhan Siam, Kepulauan India dan Borneo Pada Tahun 1912	155
3.13	Jenis dan Jumlah Perahu Melayu Pesisir Terengganu Tahun 1915	156
3.14	Jumlah Bayaran Lesen untuk Sebuah Bubu Tahun 1937	169
3.15	Bayaran Lesen Belat dan Kelong Pada Tahun 1937	170
3.16	Jenis dan Bayaran Lesen untuk Aktiviti Perikanan 1937	171
3.17	Jenis dan Jumlah Hasil Perikanan dari Pelabuhan Kuala Terengganu Tahun 1911	175
3.18	Jumlah Eksport Ikan Kering dari Pelabuhan Kuala Terengganu Tahun 1918-1923	177
3.19	Bayaran Cukai Eksport ke atas Hasil Perikanan dari Pengkalan Kuala Marang ke Bukit Bari Pada Tahun 1911 dan 1914	179
3.20	Jenis Ikan yang Didaratkan di Pengkalan Kuala Besut Pada Bulan November 1918	181
3.21	Jumlah Pendaratan Ikan di Pelabuhan, Pengkalan dan Jeti di Terengganu Pada Tahun 1936 dan 1937	186
4.1	Jenis dan Harga Ikan Kering di Daerah Besut bulan Oktober hingga Disember 1918	208
4.2	Jenis dan Jumlah Hasil Perikanan yang Dieksport dari Daerah Besut Ketika Musim Tengkujuh Pada Tahun 1918	210
4.3	Jumlah Cukai ke atas Hasil Perikanan yang Diperoleh Oleh Pejabat Kastam Daerah Besut bagi Bulan Oktober 1918	216
4.4	Jumlah Cukai ke atas Ikan Kering dan Garam Tahun 1931 hingga 1935	218
4.5	Jumlah Pendapatan ke atas Cukai Eksport Hasil Perikanan di Pelabuhan Negeri Terengganu Tahun 1941	221
4.6	Harga Ikan Kering Di Setiap Daerah Negeri Terengganu Tahun 1933	235



5.1	Jenis Barangan, Jumlah Peserta dan Nama Hakim Dalam Pertunjukan Tanaman di Kemaman Pada Tahun 1935	293
5.2	Kategori Hasil Perikanan yang Dipamerkan Dalam Pertunjukan Kuala Terengganu Tahun 1935 dan 1936	298
5.3	Senarai Jenis Barangan dan Nama Hakim Bagi Pertunjukan Tanaman Kuala Terengganu 1936	299
5.4	Jenis Ikan Kering untuk Pertunjukan di Kemaman Pada Tahun 1936	301
5.5	Kategori Pertunjukan Tanaman Kemaman Pada Tahun 1939	306
5.6	Sumbangan Bantuan Kewangan bagi Pertunjukan Perusahaan Kuala Terengganu Tahun 1936	312
5.7	Jumlah Bantuan Kewangan yang Disalurkan oleh Kerajaan Dalam Pertunjukan Tanaman dan Perusahaan Pada Tahun 1938	315
5.8	Bayaran Lesen Mengikut Jenis Perahu	326
5.9	Bayaran untuk Pas Belayar	329
5.10	Bayaran Lesen dan Pendaftaran Bagi Perahu Besar untuk Belayar di Terengganu	332
5.11	Senarai Nama Nakhoda Kuala Terengganu Pada Tahun 1936	343
5.12	Bayaran Yuran yang Dikenakan Ke atas NNMTB Kepada Jawatankuasa Memeriksa Hasil Perniagaan	362

SENARAI GAMBAR

No. Gambar	Muka Surat
2.1	Penempatan Masyarakat Melayu Pesisir Terengganu 48
2.2	Rumah Masyarakat Melayu Pesisir Terengganu 54
2.3	Nelayan Pesisir Terengganu Bekerjasama Menurunkan Perahu Payang ke Laut untuk Menangkap Ikan 60
2.4	Perahu Kecil Nelayan 61
2.5	Kaum Wanita Melayu Keluar Berniaga 70
2.6	Suasana Perniagaan di Pasar Kedai Payang Pada Tahun 1920-an 71
2.7	Suasana Pelabuhan Negeri Terengganu 73
2.8	Kuala Terengganu Sebagai Pusat Tumpuan Ekonomi Masyarakat Tempatan dan Luar 75
2.9	Perahu Besar Membawa Barangan Dagangan Eksport dan Import 76
2.10	Proses Menyiang Ikan 83
2.11	Para Tempat Menjemur Ikan Kering 84
2.12	Proses Menjemur Ikan Kering 85
2.13	Bakul Ikan untuk Menyimpan Ikan Kering yang Dialas Dengan Daun Nipah 86
2.14	Ikan Bilis Sedang Direbus 89
2.15	Ikan Bilis yang Dijemur Di Atas Tikar Kecil 90
2.16	Ikan Bilis yang Siap Dijemur 92
2.17	Budu yang Diperam Dalam Tabung 96



2.18	Belacan yang Siap Diproses untuk Dibungkus	98
2.19	Garam yang Digunakan untuk Perusahaan Hasil Perikanan	102
3.1	Masyarakat Melayu Pesisir di Kemaman Sedang Memunggah Hasil Perikanan dari Perahu Kecil ke dalam Perahu Besar untuk Dieksport	119
3.2	Ratusan Perahu Keluar dan Masuk Pelabuhan untuk Aktiviti Perikanan	144
3.3	Perahu Jalur, Anak Bedar dan Sekoci untuk Pengangkutan Hasil Perikanan Ke Kawasan Pedalaman	148
3.4	Perahu Kolek	149
3.5	Perahu Sekoci	149
3.6	Perahu Payang	150
3.7	Perahu Besar Pinis Dogol	150
3.8	Perahu Besar Anak Bedar	150
3.9	Perahu Bedar	151
3.10	Nelayan Terengganu Menggunakan Pukat Tangkul untuk Menangkap Ikan	162
3.11	Cara Penangkapan Menggunakan Pukat Tangkul	163
3.12	Nelayan Menangkap Ikan Dengan Menggunakan Pukat Tarik Pantai	164
3.13	Awak-Awak Sedang Mengendalikan Pukat Payang untuk Menangkap Ikan	165
3.14	Pukat Jerut yang Digunakan Di Laut Dalam	166
3.15	Pukat Jerut untuk Memukat Ikan Bilis	167
3.16	Penggunaan Bubu untuk Menangkap Ikan	168
3.17	Pusat Pendaratan Ikan Berdekatan Dengan Pejabat Ketua Kastam dan Pasar Kedai Payang	186
3.18	Nelayan Pulang dari Menangkap Ikan	189
4.1	Kemusnahan Akibat Banjir di Negeri Terengganu Tahun 1926	200





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi
xvii

4.2	Nelayan Pulang dari Menangkap Ikan, Orang Tengah Sedia Menunggu	232
5.1	Tikar Mengkuang	277
5.2	Perahu Kajangan yang Disediakan untuk Pengangkutan Para Peserta dan Pengunjung Pertunjukan Perusahaan	291
5.3	Suasana Pameran dan Pertunjukan yang Dijalankan	292



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

SENARAI LAMPIRAN

No. Lampiran		Muka Surat
A	Permohonan untuk Mendirikan Bangsal Ikan	402
B	Surat Urusan Jual Beli Perkakas Kayu Bangsal Ikan	403
C	Pelan Mendirikan Bangsal dan Kolah Ikan yang Bersambung Dengan Rumah Kediaman dan Kawasan Menjemur Ikan	404



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Tesis ini bertujuan mengkaji perusahaan hasil perikanan masyarakat Melayu pesisir di Terengganu antara tahun 1910 hingga 1941. Perusahaan hasil perikanan di Terengganu merupakan kegiatan ekonomi utama masyarakat Melayu pesisir Terengganu semasa pembentukan Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu (NNMTB) yang merangkumi perusahaan ikan kering, ikan bilis, budu, belacan dan ikan jeruk. Ini kerana hasil perikanan merupakan sumber protein dan bekalan makanan yang penting bagi kehidupan masyarakat serta memberi pulangan yang lumayan sehingga membawa perubahan ke atas ekonomi masyarakat dan negeri Terengganu pada ketika itu. Peringkat awal perusahaan hasil perikanan dijalankan secara kecil-kecilan oleh isteri dan anak-anak nelayan untuk kegunaan harian. Namun begitu, perusahaan hasil perikanan dilihat memberi keuntungan yang besar apabila hasil perikanan yang diusahakan mendapat permintaan pasaran yang tinggi dari masyarakat tempatan dan luar.





Dengan lahirnya perusahaan hasil perikanan, ekonomi Terengganu mula berubah dan hasil eksport mula dipelbagaikan. Ini menunjukkan masyarakat Melayu pesisir Terengganu merupakan sebuah masyarakat yang rajin, berdaya saing dan mempunyai kebolehan yang tinggi setelah hasil perikanan mula memperlihatkan pulangan yang besar. Walaupun pemprosesan hasil perikanan sekadar menggunakan tangan dan peralatan tradisional, namun masyarakat Melayu pesisir Terengganu mampu menghasilkan produk milik mereka sendiri dalam kuantiti yang banyak untuk memenuhi permintaan pasaran tempatan dan luar. Perusahaan hasil perikanan yang dijalankan dapat melahirkan ramai pengusaha ikan dalam kalangan masyarakat Melayu dan seterusnya berjaya membentuk mereka ke arah satu bidang baru yang maju. Ini merupakan satu langkah positif dalam usaha membela nasib masyarakat Melayu pesisir yang sebahagian besarnya adalah nelayan,¹ pengusaha ikan dan pedagang dalam usaha menambahkan lagi peluang pekerjaan, pendapatan dan bekalan makanan.

Negeri Terengganu sebuah negeri yang terletak di pesisir pantai yang luas dan panjang bermula dari pesisir Kuala Besut hingga pesisir Kuala Kemaman. Jika dibandingkan dengan negeri lain di Semenanjung Tanah Melayu, Terengganu merupakan negeri yang utama dianggap sebagai maritim kerana kedudukannya yang menghadap Laut China Selatan dan segala urusan perdagangan banyak dikendalikan melalui sungai, laut dan pesisir pantai. Kewujudan ekonomi maritim secara langsung membawa kepada perkembangan dalam perusahaan hasil perikanan dan seterusnya

¹ Nelayan menurut fail Pejabat Undang-Undang Terengganu ialah orang yang bekerja ke laut untuk menangkap ikan. Rujuk L.A.Tr 169/37, *Fishing Industry*. Daripada Ketua Kastam Terengganu.





hasil perikanan menjadi komoditi eksport utama negeri Terengganu.² Penggunaan jalan laut sebagai jalan perhubungan dan komunikasi menyebabkan munculnya pelabuhan yang maju di Terengganu. Berpandukan peta dunia yang dilukis oleh Ptolemy, seorang ahli geografi dan ilmu alam *Greek* yang terkenal, terdapat dua buah pelabuhan utama di bahagian Timur Semenanjung Tanah Melayu iaitu *Primula* yang merujuk kepada penempatan di muara Sungai Terengganu dan *Kole* di muara Sungai Kemaman.³ Wujudnya pelabuhan ini menjelaskan bahawa semenjak abad ke-dua sebelum Masihi, pelabuhan Terengganu menjadi tempat persinggahan pedagang dan ilmuan di kawasan Laut China Selatan serta menjadi penyumbang utama kepada perkembangan ekonomi perikanan Terengganu.⁴

Terdapat pelbagai aspek yang mempengaruhi perusahaan hasil perikanan

masyarakat Melayu pesisir pada tahun 1910-1941 sehingga membawa kemajuan ke atas ekonomi masyarakat dan negeri Terengganu. Antara aspek yang berkait rapat dengan perusahaan hasil perikanan dalam kalangan masyarakat Melayu pesisir ialah permintaan pasaran yang tinggi daripada masyarakat tempatan dan luar terhadap hasil perikanan. Oleh hal yang demikian, ini mempengaruhi masyarakat Melayu terlibat dalam perusahaan hasil perikanan sebagai pengusaha dan taukeh ikan. Hasil tangkapan ikan yang banyak diperoleh oleh nelayan setiap hari membawa kepada

² Hugh Clifford, *A Journey Through the Malays States of Trengganu and Kelantan*, The Geographical Journal, Volume 9, No. 1, 1987, hlm. 5.

³ M.C. ff. Sheppard, *A Short History of Terengganu*, Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society, Vol 22, No. 3 (149) (June 1949), hlm. 1.

⁴ Abdul Rahman Embong, *Terengganu Merentasi Tiga Abad Kesultanan, Politik, Ekonomi, Agama dan Budaya*, Yayasan Diraja Sultan Mizan, Kuala Terengganu, 2012, hlm. 13 dan 142. Rujuk juga dalam Muhammad Salleh Haji Awang (MISBAHA), *Sejarah Darul Iman Hingga 1361H=1942M*, Yayasan Islam Terengganu, Terengganu, 1978, hlm. 12, Wan Hussein Wan Azmi, *Islam di Terengganu: Ketibaan dan Perkembangannya Hingga Abad ke XIII*, Lembaga Muzium Terengganu, Terengganu, 1987, hlm. 9, Wan Hisham Wan Salleh dan Wan Ramli Wan Muhammad, *Tamadun Baru Bermula di Sini*, Terengganu: Unit Komunikasi Kerajaan Negeri Terengganu, 2006, hlm. 27. Rujuk juga *Pembangunan Terengganu Dahulu dan Sekarang*, Pejabat Setiausaha Kerajaan Terengganu, Percetakan Yayasan Islam Terengganu, Kuala Terengganu, 1999, hlm. 2.





pemrosesan ikan yang diawet, digaramkan dan dikeringkan agar tahan lebih lama dan mengelakkan dari membazir. Penggunaan perahu sebagai pengangkutan utama untuk menangkap ikan, berniaga dan berdagang serta alat penangkapan ikan yang digunakan sehingga memperoleh hasil tangkapan ikan yang banyak juga antara aspek yang mempengaruhi masyarakat Melayu pesisir Terengganu dalam perusahaan hasil perikanan. Ditambah dengan pelabuhan, pengkalan dan jeti yang wujud di Terengganu sebagai pusat pendaratan hasil ikan, pusat perniagaan dan pusat perdagangan, memudahkan produk hasil perikanan yang diusahakan oleh masyarakat Melayu tempatan dieksport ke luar.

Seterusnya, dalam usaha memajukan perusahaan hasil perikanan dalam kalangan masyarakat Melayu pesisir Terengganu, pihak kerajaan dan British memainkan peranan yang penting dengan menumpukan kepada langkah-langkah yang dilakukan seperti menubuhkan Jawatankuasa Perniagaan Ikan, peranan yang dimainkan oleh Pejabat Tanah dan Galian dalam mengeluarkan lesen tumpangan tanah kerajaan untuk mendirikan bangsal ikan bagi menjalankan perusahaan hasil perikanan, mewujudkan pameran dan pertunjukan hasil perikanan di peringkat negeri dan antarabangsa, saluran bantuan kewangan yang dihulurkan oleh kerajaan, memperkenalkan Undang-Undang Ikan, peranan Pejabat Ketua Shahbandar dan Undang-Undang Shahbandar. Selain itu, peranan yang dimainkan oleh Pejabat Kastam, Pejabat Lembaga Kesihatan, Pejabat Bandaran Terengganu dan peranan Pejabat Perikanan NNS dan NNMB di Singapura. Langkah-langkah yang dijalankan oleh kerajaan dalam tempoh kajian ini membawa kepada perkembangan dalam perusahaan hasil perikanan masyarakat Melayu pesisir di negeri Terengganu.



1.2 Permasalahan Kajian

Berasaskan rekod-rekod rasmi kerajaan yang berkaitan dengan perusahaan hasil perikanan dalam kalangan masyarakat Melayu pesisir Terengganu, penyelidik mendapati pada tahun 1910 hingga 1941 perusahaan hasil perikanan yang dijalankan oleh masyarakat Melayu pesisir bermula dari Kuala Besut hingga Kuala Kemaman merupakan penyumbang utama kepada peningkatan ekonomi masyarakat dan negeri Terengganu.⁵ Menurut rekod Pejabat Tanah dan Galian Terengganu, perusahaan hasil perikanan dalam kalangan masyarakat Melayu pesisir Terengganu secara langsung berjaya memacu transformasi dan perkembangan ekonomi di negeri Terengganu dalam tempoh yang dikaji berdasarkan kepada jumlah komoditi eksport dan pendapatan negeri Terengganu ke atas hasil perikanan.⁶

Bagi mendalami permasalahan tersebut, kajian ini cuba meneliti aspek yang mempengaruhi penglibatan masyarakat Melayu pesisir dalam perusahaan hasil perikanan sehingga membawa kepada perkembangan ekonomi negeri Terengganu. Antaranya aspek permintaan pasaran yang tinggi dari masyarakat tempatan dan luar terhadap hasil perikanan berbanding barangan eksport yang lain setiap tahun sebagai sumber keperluan hidup mereka.⁷ Secara tidak langsung, masyarakat Melayu pesisir Terengganu dapat menambah pendapatan mereka dengan membuat perubahan gerak kerja ke arah kegiatan ekonomi yang lebih stabil dan seterusnya dapat melahirkan ramai pengusaha dan usahawan dalam perusahaan hasil perikanan.

⁵ C.O 840/1, *Trengganu Annual Report for the Year 1911 by Walter D. Scott, British Agent Trengganu*, Kuala Lumpur: F.M.S Government Printing Office, 25 June 1912, hlm. 1-2.

⁶ C.L.M 97/1352, *Menyiasat Perkara-Perkara Berkenaan Dengan Perniagaan Ikan Kering dan Nyiur Kering*. Daripada Setiausaha Kerajaan Terengganu.

⁷ C.O 840/1, *Trengganu Annual Report for the Year 1911 by Walter D. Scott, British Agent Trengganu*, Kuala Lumpur: F.M.S Government Printing Office, 25 June 1912, hlm. 1-2.



Hasil tangkapan ikan yang banyak diperoleh oleh nelayan di seluruh kawasan pesisir negeri Terengganu iaitu Kuala Besut, Kuala Setiu, Kuala Terengganu, Marang, Kuala Ibai, Merchang, Paka, Dungun dan Kemaman membawa kepada perusahaan hasil perikanan. Untuk mengelakkan daripada rosak dan membazir, lebih ikan yang diperoleh oleh nelayan diproses menjadi ikan kering, ikan bilis, budu, belacan dan ikan jeruk supaya hasil perikanan lebih tahan lama dan mengelakkan kerosakan serta pembaziran untuk sumber bekalan makanan dan pengeksporan.⁸ Kebanyakan ikan yang diawet dan dikeringkan dieksport ke Singapura, Siam, India dan Cochin-China. Singapura adalah negeri yang paling tinggi permintaan terhadap produk hasil perikanan dari negeri Terengganu.⁹

Penggunaan perahu sebagai pengangkutan utama dan peralatan menangkap ikan merupakan aspek penting bagi nelayan untuk memperoleh hasil tangkapan ikan yang banyak bagi keperluan harian dan pengeksporan. Sememangnya penggunaan Perahu Payang, Sekoci dan Kolek serta Pukat Tangkul, Pukat Payang, Pukat Tarik dan Pukat Jerut mempengaruhi kepada hasil tangkapan ikan yang banyak dan seterusnya membawa kepada perusahaan hasil perikanan dalam kalangan masyarakat Melayu pesisir Terengganu.¹⁰ Menurut Sheppard,¹¹ ketika musim tengkujuh, hasil tangkapan ikan oleh nelayan berkurangan kerana nelayan tidak dapat pergi ke laut untuk menangkap ikan disebabkan laut bergelora dan ombak besar. Hasil laut yang

⁸ L.O.M 77/1940, *Memohon Kebenaran Membangunkan Dua Buah Bangsal Di atas Tanah Kerajaan di Pantai Sebelah Barat Kuala Marang kerana Membuat Ikan Kering.*

⁹ C.O 840/1, *The Annual Report of the British Agent Trengganu for the Year 1917* by J. L. Humphreys Walter, British Agent Trengganu, Kuala Lumpur: F.M.S Government Printing Office, 7 April 1918, hlm. 3.

¹⁰ C.O 840/1, *The Annual Report of the British Agent Trengganu for the Year 1918* by J. L. Humphreys Walter, British Agent Trengganu, Kuala Lumpur: F.M.S Government Printing Office, 7 April 1919, hlm. 6.

¹¹ M.C. ff. Sheppard, *A Short History of Trengganu*, Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society, Vol. 22, No. 3 (149) (June 1949), hlm. 45.





yang banyak diperoleh sebelum musim tengkujuh diusahakan menjadi kering oleh masyarakat Melayu pesisir Terengganu untuk dijadikan bekalan makanan dan sumber protein.

Pelabuhan, pengkalan dan jeti yang terdapat di Terengganu juga antara aspek yang mempengaruhi masyarakat Melayu pesisir Terengganu dalam perusahaan hasil perikanan. Oleh hal yang demikian, hasil perikanan dapat dieksport dengan mudah dan seterusnya dapat memenuhi permintaan pasaran luar.¹² Dalam tempoh 1910-1941, pelbagai langkah yang dilakukan oleh kerajaan dalam memajukan perusahaan hasil perikanan masyarakat Melayu pesisir Terengganu. Apa yang jelas, perusahaan ini merupakan tunjang utama ke arah perkembangan dan pembangunan ekonomi masyarakat dan negeri Terengganu.



1.3 Objektif Kajian

Tesis ini bertujuan untuk mengkaji perusahaan hasil perikanan masyarakat Melayu yang melibatkan seluruh kawasan pesisir di Terengganu iaitu Kuala Besut, Kuala Setiu, Kuala Terengganu, Marang, Dungun dan Kemaman semasa pembentukan Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu. Dalam usaha mencapai matlamat di atas, kajian ini ingin memenuhi objektif berikut:

- i. Mengkaji latar belakang perusahaan hasil perikanan masyarakat Melayu pesisir Terengganu.

¹² S.A 76/1338, *Report Lawatan Pejabat Shahbandar di Kemaman*. Daripada Ketua Shahbandar.





- ii. Meneliti aspek-aspek yang mempengaruhi perusahaan hasil perikanan dalam kalangan masyarakat Melayu pesisir Terengganu.
- iii. Menganalisis isu dan cabaran yang dihadapi dalam perusahaan hasil perikanan masyarakat Melayu pesisir Terengganu.
- iv. Menganalisis langkah-langkah yang diambil oleh pihak kerajaan dan British dalam usaha memajukan perusahaan hasil perikanan masyarakat Melayu pesisir Terengganu.

1.4 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting dijalankan untuk mengkaji tentang perusahaan hasil perikanan masyarakat Melayu pesisir di Terengganu tahun 1910 hingga 1941. Penerokaan ini akan meliputi perusahaan hasil perikanan yang dijalankan oleh masyarakat Melayu pesisir Terengganu seperti perusahaan ikan kering, ikan bilis, budu, belacan dan ikan jeruk. Pentingnya kajian ini berbanding kajian lain adalah untuk membuktikan bahawa produk hasil perikanan mampu menjadi asas penting kepada perkembangan ekonomi masyarakat Melayu pesisir mahupun kepada negeri Terengganu itu sendiri dan tidak sekadar tertumpu kepada pertanian, perlombongan dan perternakan semata-mata. Dengan lahirnya perusahaan hasil perikanan ini, ekonomi negeri Terengganu mula berubah dan menampakkan keuntungan yang besar. Malahan hasil eksport negeri Terengganu dapat dipelbagaikan dan dieksport ke seluruh Semenanjung Tanah Melayu, Siam, Cochin-China dan Singapura.

Di samping merungkai persoalan tersebut, tesis ini penting untuk mengetahui dengan lebih jelas aspek yang mempengaruhi masyarakat Melayu pesisir dalam





perusahaan hasil perikanan. Justeru itu, kajian ini wajar dikaji untuk memaparkan kerajinan, kesungguhan dan kemampuan masyarakat Melayu pesisir di Terengganu dalam mengeluarkan produk milik mereka sendiri dalam kuantiti yang banyak dengan hanya menggunakan peralatan tradisional untuk memenuhi permintaan masyarakat tempatan mahupun luar. Kelompangan yang diisi dalam tesis ini mampu memberi tambah nilai ilmu pengetahuan berkaitan dengan perusahaan hasil perikanan kepada penyelidik yang akan datang.

1.5 Kajian Lepas

Sehingga kini, perusahaan hasil perikanan masyarakat Melayu pesisir di Terengganu sekitar tahun kajian 1910 hingga 1941 masih kurang dikaji secara ilmiah dan menyeluruh oleh para sejarawan. Kebanyakan penulisan membincangkan aspek berkaitan sektor perikanan secara umum. Oleh itu, kajian ini akan memfokuskan perusahaan hasil perikanan yang dijalankan oleh masyarakat Melayu pesisir Terengganu pada tahun 1910-1941 sehinggakan perusahaan ini menjadi penyumbang ekonomi terpenting di negeri Terengganu. Ulasan yang luas dan padat mengenai perusahaan hasil perikanan masyarakat Melayu pesisir perlu dikaji dengan lebih mendalam untuk mendapatkan fakta yang tepat. Bagi maksud di atas, penyelidik membuat penyelidikan ke atas beberapa penulisan awal sama ada secara langsung atau tidak langsung yang membicarakan tentang kajian ini. Pentingnya kajian lepas adalah untuk melihat sejauhmanakah penulisan yang sedia ada mengupas isu-isu yang berkaitan. Terdapat beberapa penulisan yang dilihat penting untuk penyelidikan ini.

